

ANNUAL REPORT OF THE STATE BOARD OF EDUCATION

FOR THE YEAR ENDING JUNE 30, 1900.

c/a: 8903

1100089161

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (UMT)  
Universiti Malaysia Terengganu.



LP 51 FPE 1 2010



1100089161

Analisis kecekapan dan potensi IKS dalam pasaran produk halal terhadap pembangunan ekonomi umat Islam : kajian kes di Kuala Terengganu, Terengganu / Ridhuan Noor Suhaimi.

**PUTUSAN PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU**

**1100089181**

Lihat Sebelah

HAK MILIK

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIAH

**ANALISIS KECEKAPAN DAN POTENSI IKS DALAM PASARAN  
PRODUK HALAL TERHADAP PEMBANGUNAN EKONOMI  
UMAT ISLAM : KAJIAN KES DI KUALA TERENGGANU,  
TERENGGANU**

**RIDHUAN NOOR BIN SUHAIMI  
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT PENGAJIAN**

**JABATAN EKONOMI  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**2010**

## **PENGAKUAN**

Saya akui Kertas Projek (EKN4998 dan EKN4999) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukanya.

Tarikh : \_\_\_\_\_

Tandatangan :



RIDHUAN NOOR B. SUHAIMI  
UK16100

## **DECLARATION**

I hereby declare that this Project Paper (EKN4998 and EKN4999) is the result of my own investigation and findings, acceptwhere otherwise stated.

Date : \_\_\_\_\_

Signature :



RIDHUAN NOOR B. SUHAIMI  
UK16100

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum w.b.t.....

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin rahmatNya dapat juga saya siapkan kertas projek tahun akhir ini dalam masa yang telah ditetapkan. Pertama sekali, ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pn. Noorhaslinda Binti Kulub Abdul Rashid selaku Penyelia Kertas Projek ini yang telah bersusah payah selama membimbing saya dalam menyiapkan kertas projek ini. Segala tunjuk ajar serta dan sumber rujukan yang diberikan sangat membantu saya dalam menghasilkan kertas projek ini.

Penghargaan juga diberikan kepada semua pensyarah yang banyak membantu dan menyumbangkan idea masing-masing untuk memudahkan kerja saya menghasilkan kertas projek ini. Tidak lupa juga kepada En. Muhammad Najit Bin Sukemi selaku Penyelaras Program Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) yang telah banyak memberi nasihat dan galakkan sepanjang tempoh pelaksanaan kertas projek.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi bantuan tunjuk ajar serta galakkan yang dapat menaikkan semangat saya untuk menyiapkan kertas projek ini. Jasa baik anda semua tidak mungkin dapat saya lupakan. Sekian, terima kasih.

## **ABSTRAK**

Perkembangan industri halal di Malaysia menunjukkan potensi yang besar dari segi peningkatan keuntungan melalui peluang perniagaan yang boleh diterokai dalam pasaran produk halal ini. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan menganalisis tahap kecekapan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam pengeluaran produk makanan halal dan sejauhmana sumbangannya terhadap pembangunan ekonomi umat Islam. Kawasan kajian yang telah dipilih adalah Kuala Terengganu. Menerusi kajian yang dibuat oleh Mohd Ali Mohd Noor, Hairunnizam Wahid dan Hj.Abd.Razak (2000) pula, beliau mengatakan persembahan sesuatu makanan ternyata memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pilihan pengguna. Manakala, Menurut Dwiyitno (2007) pula melalui kajian yang dijalankannya, beliau mengatakan permintaan produk makanan halal bertambah disebabkan oleh pertumbuhan populasi umat Islam. Kaedah penyampulan Data (DEA) telah digunakan bagi menganalisis kecekapan 20 buah firma produk makanan halal di Kuala Terengganu. Berdasarkan Analisis Skor Kecekapan bagi CCR, didapati hanya 6 buah firma yang cekap dan analisis bagi BCC pula menunjukkan hanya 9 buah firma yang cekap. Seterusnya, menerusi Analisis Unjurran Kecekapan pula, analisis ke atas CCR menunjukkan hanya 6 buah firma yang cekap. Bagi BCC pula, hanya 9 buah firma yang cekap. Seterusnya, kajian ini juga menilai faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan produk halal di Malaysia. Seramai 100 orang responden telah disoal-selidik dan kaedah Analisis Regresi Berbilang telah digunakan menerusi perisian SPSS untuk menganalisis data-data yang diperolehi. Hasil menunjukkan bahawa hanya faktor citarasa yang tidak signifikan, manakala faktor kebersihan, kesihatan dan kualiti amat signifikan.

Kata Kunci : *produk halal, permintaan*

## **ABSTRACT**

The development of halal industry in Malaysia showed great potential in terms of increased profits through business opportunities that can be explored in this market for halal products. The aim of this research is to analyze the efficiency of Small and Medium Enterprises (SMEs) in the production of halal food products and the extent of its contribution to the economic development of Muslims. The study area selected is Kuala Terengganu. Through research done by Mohd Ali Mohd Noor, Wahid and Hj.Abd.Razak Hairunnizam (2000), he said that the presentation of a food appears to play an important role in influencing consumer choice. Meanwhile, The Dwiyitno (2007) was the study undertaken, he says demand for halal food products increased due to the growth of Muslim population. Data Envelopment Analysis methods (DEA) was used to analyze the efficiency of 20 firms halal food products in Kuala Terengganu. Based on the analysis of the CCR efficiency score, only 6 were found to be an efficient firm and the BCC analysis showed that only 9 of efficient firms. Next, through analysis of projected efficiency, the analysis of the CCR that only 6 of efficient firms. For BCC, only 9 of efficient firms. Furthermore, the study also evaluate the factors that influence the demand for halal products in Malaysia. With 100 survey of respondents, and the Multiple Regression analysis methods were used by SPSS to analyze the data obtained. The results showed that the factor of taste is not significant, while the factors of cleanliness, health and the quality is very significant.

**Keywords :** *halal product, demand*